A

SIVAKUMAR THENARASU

lwn.

PP

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AHMAD MAAROP HMR
SULAIMAN DAUD HMR
BALIA YUSOF H
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-142-2008]

C

3 JUN 2011

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B - Pengedaran - Mengedar 1,284 gram cannabis - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Kes prima facie - Pembuktian -*

D *Keterangan - Dua versi bertentangan dalam keterangan berkaitan penemuan dadah - Sama ada hakim bicara silap dalam penilaian seluruh keterangan - Percanggahan dalam keterangan SP2 dan laporan polis SP6 - Sama ada menjejaskan kredibiliti saksi-saksi sehingga melemahkan kes pendakwaan - Sama ada mahkamah harus campur tangan dalam*

E *keputusan hakim bicara menolak pembelaan tertuduh - Jagaan dan kawalan - Sama ada terbukti - Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 37(da)*

KETERANGAN: *Saksi - Kredibiliti - Versi bertentangan dalam keterangan -Sama ada kredibiliti saksi-saksi terjejas - Sama ada*

F *melemahkan kes pendakwaan*

KETERANGAN: *Saksi - Percanggahan - Percanggahan dalam keterangan satu saksi dan laporan polis saksi yang lain - Laporan polis - Sama ada boleh diterima sebagai keterangan - Akta Keterangan 1950, s. 35 - Sama ada perselisihan menjejaskan kredibiliti saksi-saksi sehingga*

G *melemahkan kes pendakwaan*

Perayu telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi kerana kesalahan mengedar 1,284 gram cannabis (dadah tersebut) di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952

H ('Akta'). Pada 16 Jun 2005, perayu telah ditahan oleh SP2, dibantu oleh SP6 dan KPL Man, di kawasan Jalan Utama 2, Puchong Utama. Semasa menjalankan pemeriksaan ke atas perayu, SP2 telah menjumpai satu bungkusan plastik yang terselit di bahagian pinggangnya. Di dalam bungkusan plastik itu, terdapat

I dua ketulan mampat bahan tumbuhan yang kemudiannya disahkan sebagai cannabis oleh ahli kimia SP4. Perayu, dalam pembelaannya, menafikan bungkusan plastik tersebut telah dijumpai terselit pada

pinggangnya. Menurut perayu, SP2 telah memeriksa badannya tetapi tidak menjumpai apa-apa. Perayu menyatakan dadah itu sebenarnya telah dijumpai di atas jalan berhampiran dengan motorsikalnya, dan bungkusan yang mengandungi dadah tersebut telah dibawa oleh rakannya, Bharathi. Hakim perbicaraan memutuskan perayu telah gagal untuk mematahkan atas imbangan kebarangkalian anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta. Hakim perbicaraan mendapati pihak pendakwa telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap perayu bagi pertuduhan terhadapnya. Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman tersebut, dan berhujah bahawa hakim perbicaraan telah silap (i) dalam penilaian keseluruhan keterangan yang berkaitan dengan penemuan dadah tersebut; (ii) apabila gagal menimbangkan percanggahan dalam keterangan SP2 dengan laporan polis SP6 berhubung dengan penangkapan perayu dan (iii) dalam menimbangkan pembelaan perayu.

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan perintah Mahkamah Tinggi)
Oleh Sulaiman Daud HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Perayu telah menarik perhatian mahkamah kepada dua versi bertentangan dalam keterangan pihak-pihak bagaimana dadah tersebut dijumpai di mana pihak pendakwa menegaskan, melalui keterangan SP2 dan SP6, bahawa bungkusan plastik tersebut telah dijumpai terselit dalam seluar di bawah baju pada bahagian pinggang perayu manakala perayu menafikan dadah tersebut telah dijumpai pada badannya. Hakim perbicaraan telah menilai dan menimbangkan semula kredibiliti SP2 dan SP6 berbanding keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan, termasuk menentukan sama ada saksi-saksi pendakwaan itu mempunyai apa-apa motif tertentu. Hakim perbicaraan seterusnya mendapati keterangan SP2 tentang penemuan dadah tersebut turut disokong oleh keterangan SP6. Kedua-dua saksi tersebut telah mengekalkan keterangan mereka dengan menolak cadangan-cadangan yang cuba dikemukakan oleh pihak pembelaan semasa pemeriksaan balas. Hakim perbicaraan telah menjalankan suatu pertimbangan kehakiman mengenai keterangan yang berhubungan dengan penemuan dadah yang dipersoalkan itu menurut prinsip di dalam kes *Low Kian Boon* dan *Lee Ing Chin*. Hakim bicara turut mendapati versi perayu bahawa dadah tersebut dijumpai di atas jalan tidak terbarangkali hingga boleh menimbulkan apa-apa keraguan ke

A atas kes pendakwaan. Tidak terdapat apa-apa sebab yang substantif dan kuat untuk tidak bersetuju dengan dapatan fakta hakim perbicaraan tersebut. (perenggan 12, 17, 18, 20 & 21)

B **(2)** Laporan polis SP6 seolah-olah membayangkan bahawa ketiga-tiga anggota polis tersebut telah bersama-sama menahan, membuat pemeriksaan dan seterusnya menangkap perayu berbanding dengan keterangan SP2 bahawa SP5 dan Kpl. Man hanya tiba dua ke tiga minit kemudian. Namun demikian,
C tangkapan perayu tidak dipertikaikan. Keterangan jelas menunjukkan SP6 dan Kpl. Man telah sampai sejurus kemudian, dan SP6 adalah orang yang telah menggari tangan perayu. Walaupun sesuatu laporan polis itu boleh diterima sebagai keterangan menurut s. 35 Akta Keterangan, tetapi ia
D tidak semestinya mengandungi keseluruhan kes pendakwaan. Perselisihan dan percanggahan kecil yang dibangkitkan itu tidak menjejaskan kredibiliti SP2 dan SP6 hingga boleh melemahkan kes pendakwaan. (perenggan 24-26)

E **(3)** Hakim perbicaraan telah menilai dan menguji kebarangkalian-kebarangkalian pembelaan perayu itu dengan kes yang telah diasaskan oleh pihak pendakwa melalui saksi-saksi mereka, khususnya SP2 dan SP6. Tiada apa-apa sebab untuk campur tangan dalam keputusan hakim perbicaraan menolak pembelaan
F tertuduh dan menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan. (perenggan 29 & 30)

(4) Adalah tidak diragui bahawa perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas bungkusan plastik mengandungi dadah tersebut yang dijumpai terselit pada pinggangnya. Fakta perayu
G telah menyelitkan bungkusan plastik tersebut dalam seluar di bahagian pinggangnya dan menutupinya dengan baju yang dipakainya jelas menunjukkan bahawa dia sebenarnya mengetahui bungkusan itu mengandungi dadah yang dipersoalkan. Pendekatan yang diambil oleh hakim perbicaraan
H bergantung kepada anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta setelah terbukti bahawa perayu mempunyai milikan sebenar ke atas dadah tersebut yang berat bersihnya melebihi had minimum yang ditetapkan di bawah seksyen itu, adalah selaras dengan kaedah pembuktian yang disarankan oleh
I Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan*. Oleh itu, sabitan perayu adalah selamat. (perenggan 31)

***English** Translation Of Headnotes*

The appellant was convicted and sentenced to death by the High Court for the offence of trafficking 1,284 grams of cannabis (the said drugs) under s. 39B of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act'). On 16 June 2005, the appellant was arrested by SP2, assisted by SP6 and KPL Man, in the area of Jalan Utama 2, Puchong Utama. When conducting a search on the appellant, SP2 found a plastic package that was inserted in the waist area of the appellant. In that plastic package, two solid lumps of plant substance that was later confirmed by the chemist SP4 to be cannabis were found. The appellant, in his defence, denied that the said plastic package was found inserted in his waist area. According to the appellant, SP2 had searched his body but had found nothing incriminating on him. The appellant submitted that the said drugs were found on the road near his motorcycle, and that it was his friend, one Bharathi, that was carrying the plastic package containing the said drugs. The trial judge held that the appellant failed to rebut on the balance of probabilities the presumption of trafficking under s. 37(da) of the Act. The trial judge found that the prosecution had succeeded in proving a *prima facie* case against the appellant on the charge proffered. The appellant appealed against the said conviction and sentence, and submitted that the trial judge had erred (i) in the assessment of the totality of the evidence in relation to the discovery of the drugs; (ii) in failing to consider the contradiction in the evidence of SP2 and SP6's police report in relation to the arrest of the appellant and (iii) in considering the defence of the appellant.

Held (dismissing the appeal; restoring order of High Court) Per Sulaiman Daud JCA delivering the judgment of the court:

(1) The appellant had brought to the court's attention the two conflicting versions in the evidence of the witnesses as to how the drugs were discovered where the prosecution emphasised, through the evidence of SP2 and SP6, that the said plastic package was found inserted in the pants under the appellant's shirt around his waist area while the appellant denied that the said drugs were found on his person. The trial judge had evaluated and considered the credibility of both SP2 and SP6 and compared it to the evidence adduced by the defence, including ascertaining whether the prosecution witnesses had

any ulterior motive. The trial judge went on to find that the evidence of SP2 regarding the discovery of the drugs was supported by the evidence of SP6. Both the said witnesses had maintained their evidence and had rejected any suggestions made by the defence during cross examination. The trial judge had exercised judicial appreciation on the evidence in relation to the discovery of the drugs in question according to the principles in the case of *Low Kian Boon* and *Lee Ing Chin*. The trial judge also found the appellant's version that the drugs were found on the road was improbable and did not raise any doubt on the prosecution's case. There was no strong or substantive ground herein to disagree with the findings of the trial judge.

(2) SP6's police report gave the impression that the said three police officers had together detained, inspected and arrested the appellant as opposed to the evidence of SP2 that SP5 and Kpl Man had only arrived two to three minutes later. However, the arrest of the appellant was not disputed. Evidence clearly showed that SP6 and Kpl Man had arrived shortly after, and SP6 was the one that handcuffed the appellant. Although a police report can be accepted as evidence under s. 35 Evidence Act 1950, it does not necessarily contain the prosecution's whole case. The conflicts and contradictions that arose did not affect the credibility of both SP2 and SP6 until it weakened the prosecution's case.

(3) The trial judge had assessed and examined the probabilities of the defence of the appellant with the case based on the witnesses of the prosecution, especially SP2 and SP6. There was no reason to interfere with the decision of the trial judge in dismissing the defence of the accused and accepting the evidence of the prosecution's witnesses.

(4) There was no doubt that the appellant had custody and control of the plastic package containing the said drugs found hidden in his waist area. The fact that the appellant had inserted the said plastic package in the pants area around his waist and concealed it with the shirt that he was wearing clearly showed that he possessed the knowledge that the package contained the drugs in question. The approach taken by the trial judge that was based on the presumption of trafficking under s. 37(da) of the Act after it had been proved

that the appellant had actual possession of the said drugs which exceeded more than the minimum limit prescribed under the said section, was in tangent with the methodologies of proof suggested by the Federal Court in the case *PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan*. Thus, the appellant's conviction was safe.

Kes-kes yang dirujuk:
AEG Carapiet v. AY Derderian [1961] Cal 359 ***(dirujuk)***
Chua Beow Huat v. PP [1968] 1 LNS 24 HC ***(dirujuk)***
Gan Yook Chin & Anor v. Lee Ing Chin & Ors [2004] 4 CLJ 309 FC ***(dirujuk)***
Ganapathy Rengasamy v. PP [1998] 2 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Herchun Singh & Ors v. PP [1969] 1 LNS 52 FC ***(dirujuk)***
Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 CLJ 19 CA ***(dirujuk)***
Low Kian Boon & Anor v. PP [2010] 5 CLJ 489 FC ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan [2006] 2 CLJ 129 FC ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris (No 2) [1976] 1 LNS 97 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohamed Ali [1962] 1 LNS 129 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Tan Pin Seng v. PP [1998] 1 SLR 418 ***(dirujuk)***
Teoh Hoe Chye v. PP & Another Case [1987] 1 CLJ 471; [1987] CLJ (Rep) 386 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(da), 39B

Bagi pihak perayu - Shamsul Sulaiman; T/n Edlin Ghazaly & Assocs
Bagi pihak pendakwaan - Najib Zalkaria TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 45-163-05]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud HMR:

[1] Perayu telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam kerana kesalahan mengedar 1,284 gram cannabis (dadah tersebut) di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta"). Dia telah merayu terhadap sabitan dan

A hukuman. Di akhir pendengaran, kami telah menolak rayuannya dengan keputusan sebulat suara, dan seterusnya mengekalkan perintah hakim perbicaraan. Kini disampaikan alasan-alasan keputusan kami itu.

B **Fakta Material**

[2] Pada 19 Jun 2005 jam 12.20 tengah hari, D/Sjn. Palaniandy (SP2) telah menerima maklumat melalui telefon bahawa dua orang lelaki India yang menaiki motosikal jenis Honda nombor pendaftaran BHM 1556 ("motosikal tersebut") akan melakukan C pengedaran dadah di kawasan Jalan Utama 2, Puchong Utama. SP2 telah menyampaikan maklumat itu kepada Sjn. Pang Meow Cheong (SP6) dan Kpl Man a/l Kerani yang berada berhampiran kawasan itu.

D **[3]** Kira-kira sejam kemudian SP2, SP6 dan Kpl Man telah bertemu berhampiran Medan Selera Puchong Utama dan membuat perancangan mengenai tindakan susulan mereka. SP6 telah membuat pemantauan dengan membonceng motosikal yang ditunggang oleh Kpl Man, dan SP2 menunggang sebuah motosikal E lain bersendirian. Pada lebih kurang jam 2.30 petang, SP2 melihat motosikal tersebut dengan dua orang lelaki India berhenti di hadapan sebuah kedai kira-kira 20 hingga 30 meter darinya. Dia menelefon SP6 meminta bantuan, dan menghampiri kedua-dua lelaki itu sambil memperkenalkan dirinya "polis". Dia berjaya F menangkap penunggang motosikal itu yang masih berada di atas motosikalnya tetapi pemboncengnya berjaya melarikan diri. Lelaki yang ditangkap itu adalah perayu.

[4] SP6 dan Kpl Man telah sampai di tempat tangkapan dua G atau tiga minit kemudian. Semasa menjalankan pemeriksaan ke atas perayu, SP2 telah menjumpai satu bungkusan plastik yang terselit di bahagian pinggangnya. SP2 telah menyelak baju T perayu dan mengeluarkan bungkusan plastik tersebut. Di dalam bungkusan plastik itu, terdapat dua ketulan mampat bahan tumbuhan disyaki H ganja. Satu ketulan dibalut dengan kertas timah, dan yang satu lagi dalam bungkusan akhbar. SP2 telah menyerahkan kedua-dua ketulan mampat itu kepada SP6. Mereka seterusnya telah membawa perayu dan barang-barang kes ke Balai Polis Puchong di mana SP6 telah membuat laporan polis tentang tangkapan I tersebut.

[5] Atas arahan pegawai penyiasat Ketua Inspektor Munian a/l Muniandy (SP7), SP6 telah membawa perayu ke IPD Subang Jaya, dan telah menyerahkan perayu kepada SP7 bersama-sama dengan barang-barang kes. SP7 telah menurunkan tandatangannya pada barang-barang kes tersebut sebelum menyimpannya dalam kabinet besi berkunci di pejabatnya. Pada 22 Jun 2005, SP7 telah menghantar kedua-dua ketulan mampat tumbuhan kering tersebut ke Jabatan Kimia untuk dianalisis. Ahli Kimia (SP4) yang menjalankan analisis ke atas kedua-dua ketulan mampat itu mendapati bahan-bahan tumbuhan tersebut adalah "cannabis" (dengan berat bersih 1284 gram) yang ditakrifkan dalam s. 2 Akta.

[6] Perayu, dalam pembelaannya, menafikan bungkusan plastik tersebut telah dijumpai terselit pada pinggangnya. Dia menjelaskan pada hari itu seorang kawannya bernama Bharathi telah menelefon memberitahunya ada kerja luar untuk mengambil barang dengan lori. Bharathi telah datang ke rumahnya antara jam 12.30 hingga 1.00 petang dan meninggalkan motosikalnya di situ. Mereka kemudiannya telah pergi ke kedai makan dengan motosikal adiknya. Semasa di kedai makan dia melihat Bharathi beberapa kali menghubungi seseorang melalui telefon bimbitnya. Dari situ mereka telah pergi ke Puchong Maju Jaya untuk berjumpa dengan seorang pemandu lori untuk tujuan kerja. Dia telah berhenti dan mematikan motosikalnya tetapi pemandu lori yang dicarinya tiada di situ.

[7] Menurut perayu lagi, ketika itu SP2, yang berada kira-kira 15 kaki di hadapannya, telah datang menghampirinya dan menggari kedua-dua tangannya dari belakang. SP2 turut memegang seluarnya dan menariknya sejauh 20 kaki sebelum dua orang anggota polis lain datang membantu SP2. SP2 juga telah memeriksa badannya tetapi tidak menjumpai apa-apa. Kemudian dia melihat satu bungkusan plastik di atas jalan berhampiran dengan motosikalnya. Perayu menjelaskan, bungkusan plastik tersebut adalah bungkusan yang sama yang telah dibawa oleh Bharathi pada hari itu tetapi dia tidak tahu kandungan bungkusan tersebut.

Keputusan Mahkamah Tinggi

[8] Pada penutup kes pendakwaan, hakim perbicaraan mendapati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap perayu bagi pertuduhan terhadapnya. Beliau mendapati perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah yang dipersoalkan itu berdasarkan kepada keterangan SP2, yang disokong oleh keterangan SP6, bahawa dadah tersebut telah dijumpai terselit di bahagian pinggangnya. Berkenaan dengan

elemen pengetahuan, hakim perbicaraan mendapati cara bagaimana dadah tersebut diselitkan di dalam seluar pada bahagian pinggang di bawah baju yang dipakainya menimbulkan inferens mengenai pengetahuan perayu tentang dadah tersebut. Justeru, beliau memutuskan bahawa perayu mempunyai milikan sebenar ke atas dadah tersebut.

[9] Setelah mengambil kira berat cannabis tersebut melebihi had statutori yang ditetapkan di bawah s. 37 (da) Akta, maka hakim perbicaraan telah bergantung kepada anggapan di bawah seksyen itu bagi maksud pengedaran.

[10] Berkenaan dengan pembelaan perayu, hakim perbicaraan telah menimbangkan dan menguji versi perayu bagaimana dadah tersebut dijumpai di atas jalan dengan versi yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan. Setelah membuat penilaian sedemikian, hakim perbicaraan mengekalkan dapatan awalnya mengenai kredibiliti SP2 dan SP6 atas pertimbangan bahawa tiada apa-apa motif atau sebab bagi saksi-saksi polis tersebut untuk mereka-reka keterangan bagi menganiaya perayu. Lantaran itu, beliau memutuskan perayu telah gagal untuk mematahkan, atas imbangan kebarangkalian, anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta, atau selainnya menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

Rayuan Di Hadapan Mahkamah Ini

[11] Di hadapan kami, peguam terpelajar perayu telah membangkitkan tiga isu utama yang berikut, iaitu, hakim perbicaraan telah tersilap:

(a) dalam penilaian keseluruhan keterangan yang berkaitan dengan penemuan dadah tersebut;

(b) apabila gagal menimbangkan percanggahan dalam keterangan SP2 dengan laporan polis SP6 berhubung dengan penangkapan perayu;

(c) dalam menimbangkan pembelaan perayu.

Penilaian Keterangan Mengenai Penemuan Dadah

[12] Peguam terpelajar perayu telah menarik perhatian mahkamah kepada dua versi bertentangan dalam keterangan pihak-pihak bagaimana dadah tersebut dijumpai. Pihak pendakwa menegaskan, melalui keterangan SP2 dan SP6, bahawa bungkusan plastik yang

mengandungi dadah tersebut telah dijumpai terselit dalam seluar di bawah baju pada bahagian pinggang perayu. Sebaliknya, perayu menafikan dadah tersebut telah dijumpai pada badannya. Dia menyatakan dadah itu sebenarnya telah dijumpai di atas jalan, dan bungkusan yang mengandungi dadah tersebut telah dibawa oleh rakannya Bharathi.

[13] Peguam terpelajar itu seterusnya menghujahkan bahawa hakim perbicaraan telah tersalah arah dalam menilai kedua-dua versi bertentangan tersebut di atas apabila gagal mempertimbangkan bahawa perayu telah mencabar keterangan SP2 dan SP6 dalam pemeriksaan balas mereka, dan kemudiannya telah menyatakan fakta-fakta yang sama dalam kes pembelaan selaras dengan cabaran tersebut.

[14] Mengenai kesan dan keperluan untuk menyoal-balas saksi-saksi pihak lawan, peguam terpelajar itu telah merujuk kepada kes *Low Kian Boon & Anor v. PP* [2010] 5 CLJ 489, yang telah meluluskan prinsip undang-undang yang telah diasaskan oleh Mukharji J dalam kes *AEG Carapiet v. AY Derderian* [1961] Cal 359 dan diterima serta diikuti sebelumnya oleh Sharma J dalam kes *Chua Beow Huat v. PP* [1968] 1 LNS 24. Ringkasnya, mengikut prinsip tersebut, jika pihak lawan enggan menggunakan kesempatan yang ada padanya untuk mengemukakan kes pentingnya semasa pemeriksaan-balas, maka ini semestinya bererti dia mempercayai bahawa testimoni yang diberikan itu tidak boleh dipertikaikan langsung. Semasa pemeriksaan-balas, seseorang peguam hendaklah juga mengemukakan kepada saksi-saksi lawan sekian banyak kesnya sendiri yang melibatkan saksi-saksi tertentu itu. Jika tiada apa-apa soalan dikemukakan, maka dia hendaklah dikira sebagai menerima keterangan pihak yang satu lagi.

[15] Adalah juga ternyata kepada kami bahawa isu yang dibangkitkan ini menyentuh secara langsung soal mengenai pertimbangan atau kesedaran kehakiman tentang keterangan (judicial appreciation of evidence). Dalam kes *Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 CLJ 19, mahkamah ini telah menyarankan bahawa pada amnya, sesuatu mahkamah rayuan tidak akan campur tangan melainkan mahkamah perbicaraan ternyata tersilap dalam keputusannya. Namun, mahkamah tetap akan campur tangan jika tiada kesedaran kehakiman tentang keterangan. Ini bermakna seseorang hakim yang mengadili sesuatu pertikaian hendaklah memutuskan sesuatu isu fakta dengan menilai, menimbang dan, atas sebab-sebab yang baik, sama ada menerima

atau menolak keseluruhan atau sebahagian keterangan di hadapannya. Dalam berbuat demikian, seseorang hakim hendaklah menguji keterangan-keterangan tersebut dengan kriteria-kriteria yang relevan, termasuk menimbangkan sama ada wujud atau tidak apa-apa motif di pihak saksi yang berkenaan. Beliau hendaklah juga menguji keterangan saksi itu dengan kebarangkalian kes itu. (Lihat juga keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Gan Yook Chin & Anor v. Lee Ing Chin & Ors* [2004] 4 CLJ 309 yang telah meluluskan ujian tersebut di atas).

[16] Mengenai isu yang dibangkitkan ini, soalnya sama ada hakim perbicaraan telah gagal memberikan pertimbangan kehakiman ke atas keterangan pihak pembelaan berkaitan dengan penemuan dadah yang dipersoalkan itu sebagaimana yang dihujahkan oleh pihak perayu. Mengenai isu ini, pertamanya, kami mendapati hakim perbicaraan telah memberikan perhatian dan tumpuan kepada kedua-dua versi tersebut. Ini ternyata daripada alasan penghakiman beliau yang dibacakan seperti berikut:

> The defence of the accused presented a differing version on how the drugs were recovered. The prosecution's version was that the incriminating drugs were found on his person in that it was tucked underneath his trousers at the waist which version is totally different from the defence that it was Bharathi that carried a yellow plastic package which plastic bag was the one that was retrieved by the police from the road.

[17] Berdasarkan kepada kedua-dua versi yang bertentangan ini, hakim perbicaraan telah menilai dan menimbangkan semula kredibiliti SP2 dan SP6 berbanding keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan, termasuk menentukan sama ada saksi-saksi pendakwaan itu mempunyai apa-apa motif tertentu dalam memberikan keterangan sedemikian. Pendekatan ini adalah ternyata daripada alasan penghakimannya, di mana hakim perbicaraan berkata:

> The version of the defence in essence is a grave accusation of fabrication of evidence by the police to frame him up. In reassessing the evidence as to the credibility of SP2 and SP6. I revisited their evidence to ascertain whether or not there exist any motive or reason for them to fabricate evidence and frame up the accused.
>
> SP2 in his evidence in chief stated categorically when he first saw the accused he was riding the motorcycle with another male Indian riding pillion. The pillion rider ran when SP2 identified

himself as police and SP2 detained the accused as the rider. He examined the body of the accused and found the incriminating drugs tucked on his waist underneath his trousers. He was vigorously cross-examined by the learned defence counsel on the aspect that the incriminationg drugs was never found on his person but on the ground after it was thrown by the pillion rider by the name of Bharathi but he maintained his ground.

[18] Hakim perbicaraan seterusnya mendapati keterangan SP2 tentang penemuan dadah tersebut turut disokong oleh keterangan SP6 yang mengatakan melihat SP2 mendapatkan dadah tersebut dalam keadaan terselit di pinggang perayu. Hakim perbicaraan turut mendapati kedua-dua saksi tersebut telah mengekalkan keterangan mereka dengan menolak cadangan-cadangan yang cuba dikemukakan oleh pihak pembelaan semasa pemeriksaan balas.

[19] Dalam menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan dan menolak serta memutuskan versi pembelaan telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan, hakim perbicaraan telah berkata:

... I have scrutinised the evidence carefully and am unable to ascertain any reason or motive for SP2 and SP6 to fabricate the evidence that the drugs were found on the person of the accused which leads me to reaffirm the credibility of both SP2 and SP6. Both of them were seasoned police officers who had no interest whatever in the charge at hand and merely testified as to what he saw and heard. In the circumstances I am satisfied beyond any reasonable doubt that the incriminating drugs were found on his person tucked at the waist of the accused underneath his trousers. I reject the accused's version that the plastic bag containing the incriminating drugs were found lying on the road. It is pertinent to note that there is no evidence to show that the plastic bag was around when Bharathi called over at the accused's house but it materialised at the place of the incident. There is also no evidence that Bharathi was the person who threw the plastic bag lying on the road.

[20] Setelah membaca dan membaca semula alasan penghakiman yang berkenaan, khususnya petikan-petikan yang dperturunkan di atas, kami berpuas hati bahawa hakim perbicaraan telah menjalankan suatu pertimbangan kehakiman mengenai keterangan yang berhubungan dengan penemuan dadah yang dipersoalkan itu menurut prinsip yang disarankan dalam kes *Low Kian Boon* dan *Lee*

A *Ing Chin*, *supra*. Dalam menilai keterangan yang ada, hakim perbicaraan telah memberi perhatian kepada penafian perayu bahawa dadah tersebut telah dijumpai pada badannya. Beliau seterusnya telah menilai dan mempertimbangkan versi perayu yang berkaitan dengan penemuan dadah tersebut dengan kes
B pendakwaan yang diasaskan melalui keterangan SP2 dan SP6. Dalam hubungan ini, hakim perbicaraan telah sekali lagi menilai kredibiliti SP2 dan SP6 terhadap keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh perayu.

C **[21]** Dalam menguji kredibiliti saksi-saksi pendakwaan tersebut, hakim perbicaraan turut memberi perhatian kepada beberapa faktor tertentu, termasuk tiadanya apa-apa apa motif di pihak saksi-saksi itu untuk menganiaya perayu. Hakim perbicaraan turut menimbangkan bahawa keterangan saksi-saksi polis tersebut tidak
D goyah ketika diuji oleh pihak pembelaan dalam pemeriksaan-balas mereka. Di samping itu hakim perbicaraan turut mendapati versi perayu bahawa dadah tersebut dijumpai di atas jalan tidak berbarangkali hingga boleh menimbulkan apa-apa keraguan ke atas kes pendakwaan atas alasan-alasan yang diberikannya seperti
E tersebut di atas. Kami mendapati tidak terdapat apa-apa sebab yang substantif dan kuat untuk tidak bersetuju dengan dapatan fakta hakim perbicaraan tersebut bagi mewajarkan kami untuk campur tangan (lihat *Herchun Singh & Ors v. PP* [1969] 1 LNS 52, *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457).

F **[22]** Sehubungan dengan ini, kami juga mendapati sesuai untuk meningatkan kembali saranan Thomson CJ dalam kes *PP v. Mohamed Ali* [1962] 1 LNS 129, bahawa keterangan yang diberikan oleh saksi polis yang tidak "inherently improbable"
G hendaklah diterima pada mula-mulanya. Namun, jika keterangannya disangkal oleh keterangan lain atau menjadi goyah melalui pemeriksaan-balas, maka adalah menjadi kewajipan hakim perbicaraan untuk menentukan sama ada keterangan itu patut diterima. Dalam kes sekarang ini, kami berpuas hati bahawa hakim
H perbicaraan telah menjalankan proses penilaian seperti yang disarankan dalam kes tersebut diatas. Atas alasan-alasan yang dihuraikan di atas, rayuan perayu atas isu yang dibangkitkan ini sudah semestinya gagal.

Percanggahan Dalam Keterangan Sp2 Dan Laporan Polis

I **[23]** Peguam terpelajar perayu turut mempertikaikan kredibiliti saksi-saksi polis SP2 dan SP6 atas alasan terdapatnya perselisihan dan percanggahan ketara dalam keterangan mereka dengan laporan

polis (eksh. P12) yang dibuat oleh SP6 mengenai tangkapan perayu. Menurut peguam terpelajar itu keterangan SP2 jelas menunjukkan dia yang menangkap perayu, dan SP6 dan L/Kpl. Man hanya sampai dua atau tiga minit kemudian. Peguam terpelajar itu telah membandingkan keterangan SP2 tersebut dengan laporan polis P12 di mana SP6 menyatakan bahawa dia bersama-sama SP2 dan L/Kpl. Man telah menahan dan memeriksa perayu, dan menjumpai dadah tersebut terselit pada bahagian belakang pinggangnya.

[24] Kami telah meneliti laporan polis yang dimaksudkan, dan bersetuju dengan peguam terpelajar bahawa laporan itu seolah-olah membayangkan bahawa ketiga-tiga anggota polis tersebut telah bersama-sama menahan, membuat pemeriksaan dan seterusnya menangkap perayu berbanding dengan keterangan SP2 bahawa SP6 dan L/Kpl. Man hanya tiba dua ke tiga minit kemudian. Namun demikian, setelah mengambil kira keseluruhan keadaan kes, termasuk fakta bahawa ketiga-tiga mereka telah sama-sama terlibat dalam operasi tersebut dan kedua-dua SP6 dan L/Kpl. Man telah "memecut ke arah target" setelah melihat SP2 "sedang bergelut dengan target", maka kami tidak nampak bagaimana perselisihan yang dibangkitkan itu boleh melemahkan kes pendakwaan. Tangkapan perayu tidak dipertikaikan. Begitu juga keterangan jelas menunjukkan SP6 dan L/Kpl. Man telah sampai sejurus kemudian. Malahan SP6 adalah orang yang telah menggari tangan perayu dari depan.

[25] Pada pendapat kami, walaupun sesuatu laporan polis itu boleh diterima sebagai keterangan menurut seksyen 35 Akta Keterangan, tetapi ia tidak semestinya mengandungi keseluruhan kes pendakwaan. Dalam kes Singapura *Tan Pin Seng v. PP* [1998] 1 SLR 418, Yong Pung How CJ, telah menjelaskan bahawa tujuan utama sesuatu laporan polis adalah hanya untuk memberi maklumat tentang perlakuan sesuatu kesalahan bagi memulakan siasatan. Tiada keperluan bagi pemberi maklumat memberikan butiran yang terperinci mengenai kesalahan yang dikatakan itu. Kami bersetuju dengan saranan ini. Oleh itu, pada hemat kami, perselisihan yang dikatakan wujud dalam testimoni SP2 dan laporan polis P12 tidak sedikitpun menjejaskan kes pendakwaan atau menimbulkan apa-apa prejudis kepada pihak pembelaan.

[26] Sebagaimana yang disarankan oleh Raja Azlan Shah FJ (Baginda pada masa itu) dalam kes *PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris (No 2)* [1976] 1 LNS 97, bahawa perselisihan akan sentiasa wujud, kerana dalam keadaan berlakunya sesuatu peristiwa, setiap saksi tidak akan mengingati perkara yang sama dan dia tidak akan mengingati dengan tepat setiap perkara yang berlaku. Soalnya sama ada kewujudan perselisihan sedemikian akan memusnahkan kredibiliti saksi-saksi berkenaan. Dalam rayuan sekarang ini, atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas, kami bersetuju dengan hakim perbicaraan bahawa perselisihan dan percanggahan kecil yang dibangkitkan itu tidak menjejaskan kredibiliti SP2 dan SP6 hingga boleh melemahkan kes pendakwaan

[27] Perlu juga ditegaskan di sini bahawa kedua-dua SP2 dan SP6 telah memberi keterangan yang konsisten di mahkamah mengenai tangkapan perayu. SP6 juga telah menjelaskan, dalam pemeriksaan balasnya bahawa " ... maksud saya tahan motosikal saya bersama Man Kerani dan Sjn Palaniandy hadir disitu.". Tiada sebab bagi kami untuk mengesyaki kejujuran penjelasan tersebut. Perlu juga ditegaskan di sini bahawa, pada masa material SP6, yang ketika itu berpangkat sarjan, adalah yang terkanan di antara ketiga-tiga mereka dan mengetuai pasukan intipan tersebut. Oleh itu, pada hemat kami laporan polis yang dibuatnya itu hendaklah juga dibaca dalam konteks ini.

Penilaian Keterangan Pembelaan

[28] Peguam terpelajar perayu selanjutnya menghujahkan bahawa hakim perbicaraan, dalam mempertimbangkan pembelaan perayu, telah tersilap apabila gagal memakai prinsip dalam kes *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82 yang telah diluluskan dan diikuti oleh Mahkamah Agung dalam kes *Teoh Hoe Chye v. PP & Another Case* [1987] 1 CLJ 471; [1987] CLJ (Rep) 386. Kedua-dua kes ini telah menggariskan pendekatan, dan ujian untuk diikuti, dalam menimbangkan keterangan pembelaan seseorang tertuduh. Ringkasnya, tiada kewajipan bagi tertuduh untuk membuktikan apa-apa. Dia hanya perlu memberi penjelasan yang konsisten dengan ketakbersalahannya. Mahkamah hendaklah menimbangkan sama ada penjelasan itu mungkin semunasabahnya benar walaupun tidak mempercayai kebenarannya. Jika penjelasan itu diterima, tertuduh hendaklah dibebaskan. Namun, seseorang tertuduh itu hendaklah

juga dibebaskan jika penjelasannya mencukupi untuk menimbulkan keraguan atas kebersalahannya. (Lihat juga *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311, *Ganapathy Rengasamy v. PP* [1998] 2 CLJ 1).

[29] Kami juga mendapati isu yang dibangkitkan ini juga tidak bermerit. Jika diperhatikan hakim perbicaraan telah menurunkan pembelaan perayu dengan panjang lebar dalam alasan penghakimannya. Sebagaimana yang disebut terdahulu, hakim perbicaraan telah menilai dan menguji kebarangkalian-kebarangkalian pembelaan perayu itu dengan kes yang telah diasaskan oleh pihak pendakwa melalui saksi-saksi mereka, khususnya SP2 dan SP6. Atas penilaiannya itu, hakim perbicaraan telah merumuskan seperti berikut:

> For the reasons aforesaid upon evaluating the totality of the evidence adduced I am satisfied that the accused has failed on the balance of probability to rebut the presumption of trafficking which was activated pursuant to section 37(da) of the Act nor has he succeeded in raising any reasonable doubt as to the truth of the prosecution's case ... .

[30] Daripada petikan penghakiman tersebut di atas, kami tidak meragui bahawa hakim perbicaraan telah, pada penutup kes pembelaan, menimbangkan keseluruhan keterangan di hadapannya selaras dengan prinsip yang diasaskan dalam kes-kes tersebut di atas walaupun beliau tidak menyatakan secara khusus dalam beberapa perkataan. Kami juga mendapati tiada apa-apa sebab untuk campur tangan dalam keputusan hakim perbicaraan menolak pembelaan tertuduh dan menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan.

Penutup

[31] Dalam rayuan sekarang ini, adalah tidak diragui bahawa perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas bungkusan plastik mengandungi dadah tersebut yang dijumpai terselit pada pinggangnya. Kami bersetuju dengan dapatan hakim perbicaraan bahawa fakta perayu telah menyelitkan bungkusan plastik tersebut dalam seluar di bahagian pinggangnya dan menutupinya dengan baju yang dipakainya jelas menunjukkan bahawa dia sebenarnya mengetahui bungkusan itu mengandungi dadah yang dipersoalkan.

A Kami juga mendapati pendekatan yang diambil oleh hakim perbicaraan bergantung kepada anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta setelah terbukti bahawa perayu mempunyai milikan sebenar ke atas dadah tersebut yang berat bersihnya melebihi had minimum yang ditetapkan di bawah seksyen itu, adalah selaras
B dengan kaedah pembuktian yang disarankan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan* [2006] 2 CLJ 129.

[32] Atas alasan-alasan tersebut di atas, kami berpuas hati
C bahawa sabitan perayu adalah selamat. Oleh itu rayuan ini ditolak. Perintah Mahkamah Tinggi tehadap sabitan dan hukuman dikekalkan.

D

E

F

G

H

I